



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

JAMBATAN BAHARU BATU 6 NENGGIRI MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN SOSIO EKONOMI PENDUDUK

GUA MUSANG, KELANTAN - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah mengadakan lawatan kerja meninjau lokasi projek Jambatan Batu 6, Nenggiri, Gua Musang, Kelantan.

2. Projek ini bertujuan menggantikan jambatan sedia ada dengan membina sebuah jambatan baharu sepanjang 135 meter (m) dan 9 m lebar dengan piawaian JKR R1. Turut dibina ialah jalan tuju sepanjang 180 m dengan piawaian JKR R1.

3. Pembinaan jambatan baharu ini amat penting dalam meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dan apabila siap kelak, laluan ini bakal meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk, memudahkan pengeluaran hasil pertanian ke pusat-pusat pemasaran dan perniagaan. Projek ini jadualkan siap sepenuhnya pada Ogos 2026 dan bakal memberi manfaat kepada 200 orang penduduk kawasan tersebut.

4. Projek dengan kos bernilai RM9.3 juta ini dilaksanakan secara tender terbuka dan merupakan projek milik Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW). Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia merupakan agensi pelaksana projek ini dan perincian projek direkabentuk oleh pasukan dari Cawangan Jalan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan JKR Malaysia.

5. Antara skop lain projek ini ialah kerja-kerja rawatan tanah, penandaan jalan raya dan perabot jalan, pembinaan sistem perparitan, pengalihan utiliti, pemasangan lampu jalan dan kerja-kerja pemeliharaan alam sekitar.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang telah ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. Fokus berterusan terhadap jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dan selari dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
12 OGOS 2024